

ABSTRAK

Tarbiyah Dalam Parti Islam Se-Malaysia di Tanjong Malim, Perak: Kajian Tentang Aktiviti dan Masalah

Tarbiyah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud pendidikan. Ia adalah satu program terancang yang bertujuan untuk mengkader ahli menjadi insan yang sanggup mengorbankan jiwa, tenaga, harta, masa, dan fikrah serta memiliki sahsiah dan akhlak yang mulia, di samping boleh menjadi *role model* kepada masyarakat. Parti Islam Se-Malaysia atau PAS merupakan salah sebuah parti politik berteraskan *ḥarakah Islāmiyyah* telah menjadikan *tarbiyah* sebagai salah satu elemen penting dalam memantapkan ahlinya. Walau pun *tarbiyah* dilaksanakan dalam PAS, namun pelaksanaannya di peringkat negeri atau kawasan adalah secara fleksibel dan mengikut kesesuaian di tempat tersebut. Kajian ini memilih PAS kawasan Tanjong Malim, Perak sebagai lokasi kajian untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan aktiviti *tarbiyah* di Tanjong Malim bertepatan dengan kurikulum asal yang telah dirangka oleh Dewan Ulama PAS Pusat (DUPP). Kajian ini juga cuba untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan Tanjong Malim dalam melaksanakan aktiviti *tarbiyah* dan mengemukakan beberapa saranan serta cadangan sebagai penambahbaikan kepada aktiviti *tarbiyah* sedia ada dalam PAS. Hasil kajian mendapati PAS kawasan Tanjong Malim melaksanakan kebanyakan aktiviti *tarbiyah* dalam kawasan mereka, seperti program *usrah*, *qiyāmullail (katībah)*, latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*), berbuka puasa secara berjama'ah (*iftār jamā'ī*), perhimpunan bulanan (*ijtimā' tarbawī*), solat berjama'ah, jambori (*mukhayyam tarbawī* untuk pemuda) dan kelas pengajian agama. Malah, program lawatan (*reḥlah tarbawīyyah*), program perkaderan (*tamrīn tarbawī*) dan perkhemahan (*mukhayyam tarbawī*) pula digabungkan menjadi satu program baru yang lebih sesuai dan PAS kawasan turut mengambil inisiatif mengadakan Hari Keluarga untuk merapatkan ahli PAS di kawasan tersebut. Walau bagaimana pun, beberapa masalah turut dihadapi oleh PAS kawasan tersebut, namun tidaklah begitu ketara. Ia berpunca daripada kelemahan sumber manusia, seperti dana dan tempat program yang

terhad, kurangnya penglibatan yang menyeluruh daripada pimpinan dan *nuqabā'* dalam program *tarbiyah*, agenda *tarbiyah* kurang dibincangkan dalam mesyuarat, tiada perancangan strategik program *tarbiyah*, kekurangan *murabbī* dan tenaga penggerak, kesukaran mengikuti sepenuhnya sukatan *tarbiyah* PAS Pusat, *murabbī* bukan daripada kalangan masyarakat tempatan dan kelemahan pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dan Lajnah *Tarbiyah* dan Kepimpinan.

ABSTRACT

Tarbiyah In Parti Islam Se-Malaysia, District at Tanjong Malim, Perak: Research on Activities and it's Problems

Tarbiyah comes from the Arabic words, it means education. *Tarbiyah* is a well planned programme to recruit members to be able sacrifice their soul, energy, assets, time and fikrah in order to own good behaviour and personality. Besides, this programme be able to be role model to the society. Parti Islam Se-Malaysia or PAS is a core Islamiyah politic party movement to use '*tarbiyah*' (educate) as an element to strengthen their members. Eventhough '*tarbiyah*' implemented in PAS, the implementation in the state level are flexible and appropriate to the area where it is implemented. This research done and implemented at PAS Tanjong Malim area as a research location to find how far the implementation '*tarbiyah*' activity at Tanjong Malim area appropriate with the original outline curriculum provided by Dewan Ulama PAS Pusat (DUPP). By the way, this research are also to define problem facing by PAS at Tanjong Malim area regarding the '*tarbiyah*' activity implementation and to suggest several alternative as an improvement to deal at the ready available activity in PAS. Research finding discover PAS Tanjong Malim area implemented almost '*tarbiyah*' activity at their area, such as *usrah* programme, praying throughout the night (*katībah*), training skill (*daurah tadrībiyyah*), to break one's fasting a group of people (*iftār jamā'ī*), monthly assembly (*ijtimā' tarbawī*), assembly pray, jamboree (*mukhayyam tarbawī* for youth), and religion classes. Furthermore, trip programme (*reḥlah tarbawiyah*), recruit programme (*tamrīn tarbawī*) and camping programme (*mukhayyam tarbawī*) are merge together to perform a new programme which are more suitable to the society. In addition, PAS also taken initiative having a family day to strengthen their spirit among them (members). However, several enigma exist faced by PAS, but the problems are not really obvious. This happen due to the weakness of human resourses, such as fund and limited places for the programme, lack of thorough involvement among the leader and their leadership in '*tarbiyah*' programme, '*tarbiyah*' agenda are not listed to be discussed at a meeting, no strategic

planning regarding '*tarbiyah*' programme, '*murabbi*' insufficiency and the labour force movement, difficulty in following '*tarbiyah*' curriculum provided by PAS Pusat, among '*murabbi*' are not among local society, the leadership weakness among as leaders and Lajnah Tarbiyah.